

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Motorcyclist PA?

Motorcyclist PA memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM56.16 setahun (termasuk cukai perkhidmatan)**, anda akan menerima perlindungan Pelan D\* berikut:

Anggaran premium: Jumlah Diinsuranskan RM20,000.

Polisi ini melindungi:

No.	Faedah-Faedah	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D* (RM)
1	Kematian akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
2	Hilang upaya kekal				
	a. Hilang upaya kekal sepenuhnya dari melibatkan diri dalam sebarang pekerjaan	5,000	10,000	15,000	20,000
	b. Lumpuh keseluruhan atau terlarat kekal	5,000	10,000	15,000	20,000
	c. Kehilangan satu atau kedua belah tangan	5,000	10,000	15,000	20,000
	d. Kehilangan satu atau kedua belah kaki	5,000	10,000	15,000	20,000
	e. Kehilangan satu atau kedua belah mata	5,000	10,000	15,000	20,000
<b>Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)</b>		13	26	39	52

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Sebarang ketidakupayaan atau penyakit yang sedia ada, segala serangan sawan, penyakit atau kesakitan pelbagai jenis;
- Keganasan;
- Ketika memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsi oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan;
- Melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;
- Bunuh diri dan sebarang bentuk percubaan bunuh diri;
- Membuat penerbangan/perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam penerbangan berjadual.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di  
1 300 88 8990



Layari kami di  
[www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



Emel kami di  
[customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Motorcyclist PA Pelan D ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM52.00
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM52.00</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM4.16
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM56.16</b>
Dimana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM5.20

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

### 4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.</li><li>• Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.</li><li>• Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.</li><li>• Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.</li><li>• Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.</li><li>• Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.</li><li>• Kelayakan -<ul style="list-style-type: none"><li>i) Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia atau pemegang permit kerja di Malaysia berumur 16 tahun sehingga 65 tahun</li><li>ii) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa / penjaga sebelum membeli polisi insurans ini.</li></ul></li></ul>
--

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.